



JAWATAN : JURURAWAT (POST BASIC RENAL)
GRED : U29
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN

JADUAL GAJI:

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,797.00	RM 5,753.00	RM145.00

ELAUN:

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	: RM160.00
Imbuhan Tetap Perumahan	: RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup	: RM350.00

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) diploma dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jururawat (Gred U29), tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

TARAF JAWATAN : KONTRAK
LOKASI : UTM JOHOR BAHRU

SYARAT TAMBAHAN:

1. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM/SPMV.
2. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Boleh berbahasa dan menulis dalam bahasa Inggeris.
3. Perokok adalah sangat tidak digalakkan memohon.
4. Sahsiah:
 - i. Mempunyai disiplin diri yang positif.
 - ii. Berketerampilan baik dan kemas.
 - iii. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
 - iv. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
 - v. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
 - vi. Komitmen kerja yang sangat tinggi.
 - vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugas hakiki.
 - viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (*work under pressure*).
 - ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.
5. Berpengetahuan atau pengalaman dalam perkara-perkara berikut:
 - a. Menguruskan rawatan hemodialisis pesakit termasuk kes kecemasan intradialisis.
 - b. Memberi nasihat penjagaan makanan dan *arteriovenous fistula* (avf) kepada pesakit.
 - c. Menguruskan perkhidmatan kesihatan primer pusat kesihatan seperti rawatan, pencegahan dan pemulihan.
 - d. Mengurus dan melakukan perkhidmatan perawatan.
 - e. Menjalankan tugas di unit kecemasan untuk merawat pesakit.
 - f. Melakukan tugas pengambilan spesimen di bilik spesimen.
 - g. Melaksanakan perkhidmatan cucian dan rawatan luka kepada pesakit.
 - h. Mengurus kes penyakit berjangkit dikalangan pesakit.
6. Mempunyai kemahiran berkomunikasi dan menulis dengan baik, berdisiplin dan bertanggungjawab dalam tugas yang diberikan.
7. Calon mestilah bersedia bertugas mengikut waktu shift, hari cuti hujung minggu dan oncall.
8. Sijil *Post Basic Renal Nursing* yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
9. Pengalaman lebih 2 tahun dalam hemodialisis.
10. APC tahun terkini.

DESKRIPSI TUGAS:

Melakukan tugas di unit hemodialisis terhadap pesakit dialisis utm bagi menaikkan taraf kesihatan yang optimum bagi mewujudkan persekitaran kampus yang sihat dan selamat kepada semua warga kampus.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (online) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR dan menjawab soalan Inventori Personaliti Staf Sokongan Baru (IPSB) melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (**Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan keatas**).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada:

Jabatan Pendaftar (Seksyen Perjawatan & Kenaikan Pangkat)
Bahagian Sumber Manusia,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru